

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB BERTULIS

DARIPADA

:

**DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN
[PARIT]**

SOALAN

:

**DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN [PARIT]** minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan adakah
perlu Malaysia bersama dengan
Negara ASEAN lain mengemukakan
rayuan rasmi kepada tribunal
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
(PBB) bagi mendengar kes pertikaian
tuntutan China ke atas Laut China
Selatan.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan juga negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina dan juga Vietnam.

3. Negara-negara ASEAN tidak mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China kerana tuntutan negara tersebut tidak selaras dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

4. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih di Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara-negara berkaitan berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuklah UNCLOS 1982.

5. Malaysia berpendirian bahawa perundingan secara aman melalui perbincangan dan perundingan merupakan jalan terbaik. Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* atau Tribunal Timbang Tara merupakan opsyen terakhir di dalam mencari penyelesaian. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa sebarang pertikaian berhubung kawasan maritim ke pihak ICJ atau Tribunal

Timbang Tara, sama ada secara bersendirian atau bersama – sama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersifat terbuka di dalam perkara ini.

6. Bagi memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan, usaha-usaha membina kesalingpercayaan dan mengelakkan sebarang konflik sentiasa dijalankan. Ini termasuklah pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan China pada 4 November 2002, serta usaha-usaha ke arah merealisasikan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC).

Sekian, terima kasih.